

01 MAR 2003

Syed Hamid-Amerika

MALAYSIA HARAP AMERIKA LEBIH TERBUKA TERIMA KRITIKAN DUNIA

KOTA TINGGI, 1 Mac (Bernama) -- Malaysia berharap Amerika Syarikat lebih terbuka menerima kritikan dan pandangan masyarakat dunia yang tidak mahu krisis Iraq diselesaikan melalui perang.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, Amerika Syarikat patut berbesar hati untuk menerima hakikat bahawa seluruh dunia bimbang akan berlaku pergolakan yang lebih besar dan menerima kesan buruk jika Amerika dan sekutunya menyerang Iraq.

"Kita khuatir dengan perang ini... mereka anggap dapat mencapai penyelesaian krisis itu dalam masa singkat dengan kekuatan ketenteraan yang amat besar sekali.

"Tetapi selepas perang, ia akan menimbulkan masalah kepada dunia... dengan negara-negara Arab dan rakyat di Teluk berasa tidak puas hati, marah dan juga kesannya terhadap negara-negara Islam," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Kenyataan tidak mahu peperangan bukan hanya disuarakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sahaja tetapi oleh seluruh dunia apabila berjuta rakyat biasa mengadakan demonstrasi menentang peperangan termasuk rakyat, media serta pemimpin di Amerika sendiri.

Syed Hamid berkata Amerika sepatutnya membiarkan kumpulan pemeriksa senjata Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menyelesaikan kerja-kerja pemeriksaan senjata pemusnah sejagat yang didakwa dimiliki Iraq dalam tiga atau empat bulan lagi.

"Kini yang nampak ada kesungguhan nak berperang (di pihak Amerika) sedangkan matlamat yang terdahulu ialah untuk mencapai keamanan... biarlah dia buat kerja dia, lagi tiga empat bulan nak habiskan kerja," katanya.

Beliau berkata Malaysia, sebagai pengerusi Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) yang baru menamatkan sidang kemuncaknya di Kuala Lumpur pada 25 Feb, hanya menyuarakan pendirian negara-negara membangun dan negara-negara Islam yang tidak mahukan peperangan.

"Dalam perang manusia akan disembelih... kita tak boleh anggap kematian manusia sebagai kesan sampingan ... ini nyawa, darah dan daging manusia," tambahnya.

Tegasnya, Malaysia menyuarakan pandangan anti-perang kerana itulah hasrat seluruh dunia yang mahukan keamanan, lebih keterbukaan, menghormati proses multilateralisme dalam hubungan antara negara dan bukannya bersikap anti-Amerika ataupun mahu bermusuhan dengan negara kuasa besar itu.

Syed Hamid berkata begitu juga apabila Dr Mahathir membuat kenyataan mengenai minyak dijadikan senjata untuk mengekang serangan Amerika selepas perbincangan tidak rasmi negara-negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) pada 26 Feb, ia tidak bermaksud untuk menghasut Amerika.

"Bila PM cakap pasal menggunakan senjata minyak itu pun, banyak yang memarahi kita dari Amerika walaupun mereka tidak membuat kenyataan mengatakan bahawa kita cuba menghasut.

"Ini bukan menghasut... Tidak ada keputusan... Dr Mahathir kata perkara itu ditimbulkan di situ dan habis di situ saja cuma ia mempunyai kesan yang jauh lebih mendalam yang perlu dikaji, kita tak kata ia boleh dilakukan," katanya.

Beliau berkata perbincangan tidak rasmi OIC itu bukannya mesyuarat yang mempunyai kuasa membuat sebarang usul, resolusi atau keputusan muktamad kerana ia mesyuarat tidak rasmi sahaja.

"Kita harap Amerika mempunyai hati yang lebih besar untuk menerima

teguran, pandangan yang berbeza dan kritikan...kerana keadaan dunia  
sekarang ini kita tak ada pilihan melainkan bercakap dan kalau bercakap pun  
kita tak boleh, susah suasana ni," katanya lagi.

-- BERNAMA

MNY MNY PR